

## Unit Kejuruteraan AirAsia dapat kelulusan untuk penyelenggaraan berat

BERNAMA



Kuala Lumpur: Asia Digital Engineering Sdn Bhd (ADE), anak syarikat milik penuh AirAsia Group Bhd telah memperoleh kelulusan daripada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) untuk menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan berat.

AirAsia berkata dengan kelulusan itu, ADE bukan sahaja akan melakukan penyelenggaraan talian tetap, malah penyelenggaraan berat (hangar atau C-check) untuk penerbangan di bawah AirAsia Group.

"Ia juga bersedia untuk menyokong syarikat penerbangan pihak ketiga untuk penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih pesawat (MRO)," katanya dalam satu kenyataan.

Ketua Pegawai Eksekutif ADE Mahesh Kumar berkata, sebelum ini, AirAsia Group menghantar pesawat mereka kepada pengendali MRO lain untuk penyelenggaraan berat berjadual, tetapi kini ia boleh diselenggara di Malaysia bagi mengurangkan kos penyelenggaraan.

"Kelulusan penyelenggaraan berat oleh CAAM bakal menjadikan ADE bukan sahaja pengendali MRO terbesar di Malaysia, malah salah satu pengendali terbesar di Asean dan di peringkat global," kata beliau.

Ditubuhkan pada September 2020, ADE menawarkan rangkaian perkhidmatan pesawat yang difokuskan pada Airbus A320, A321 dan A330 untuk perkhidmatan

penyelenggaraan talian, perkhidmatan komponen dan gudang dan perkhidmatan sokongan kejuruteraan.

**Disiarkan pada: Mei 12, 2021 @ 1:15pm**